

**SEJARAH 3****Instrumen Pentaksiran**

**Kod** : 1249/3  
**Markah** : 100  
**Masa** : 2 jam 30 minit

**Reka bentuk Instrumen Pentaksiran**

Kertas 3 mengandungi 2 bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B.

Bahagian A : Mengandungi 4 soalan struktur.  
Semua Soalan wajib dijawab.  
Setiap soalan 10 markah

Bahagian B : Mengandungi 7 soalan esei.  
Jawab 3 soalan sahaja  
Setiap soalan 20 markah.

Konstruk yang diukur ialah :

- Pengetahuan
- Kefahaman
- Kamahiran mengaplikasi dan menganalisis
- Kemahiran menilai dan menjana idea

**PRESTASI KESELURUHAN**

Kertas Sejarah 1249/3 merupakan kertas baharu yang diperkenalkan pada tahun 2013. Hal ini selaras dengan dasar kerajaan menjadikan sejarah sebagai mata pelajaran wajib lulus SPM. Sehubungan itu, peperiksaan secara **open book test** diperkenalkan bagi mencapai matlamat tersebut.

Prestasi keseluruhan calon sangat cemerlang. Jawapan calon menunjukkan keupayaan yang tinggi dalam menguasai fakta sejarah serta menampakkan kematangan berfikir. Calon berprestasi rendah juga dapat menjawab tugas dengan merujuk buku teks dan bahan-bahan bercetak yang lain.

**PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON****KUMPULAN TINGGI**

Calon dalam kumpulan ini dapat memberikan jawapan yang tepat dan lengkap. Kemampuan mengutarakan idea tambahan yang relevan dan di luar konteks buku teks menjadi kekuatan kumpulan ini. Jawapan mereka jelas menunjukkan pengetahuan yang luas terhadap isu semasa dan mahir menjawab tugas Kamahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Calon berjaya menghuraikan fakta sejarah secara terperinci dengan menggunakan ayat

yang gramatis dan pengolahan yang menarik. Jawapan calon tersusun dan menggunakan teknik pemerenggan yang baik.

### **KUMPULAN SEDERHANA**

Calon berjaya menjawab tugas dengan baik bagi perincian yang perlu merujuk buku teks. Walau bagaimanapun, terdapat segelintir calon menyalin maklumat dalam buku teks tanpa mengikut kehendak tugas. Calon kumpulan ini kurang kemahiran untuk menjawab tugas KBAT. Calon gagal mengaitkan pengalaman hidup dalam konteks sejarah apabila menjawab tugas KBAT kerana pengetahuan semasa calon tidak meluas. Fakta yang dikemukakan tidak mencukupi, bercampur aduk dan tidak menepati kehendak tugas. Terdapat juga pengulangan fakta. Penguasaan dan gaya bahasa sebahagian calon adalah sederhana dan kurang gramatis.

### **KUMPULAN RENDAH**

Calon tidak memahami kehendak tugas dengan tepat. Jawapan calon sangat umum dan kurang relevan. Calon hanya menyalin maklumat dari buku teks tanpa memahami kehendak tugas. Terdapat juga jawapan calon calon yang terpesong. Walau bagaimanapun, terdapat segelintir calon menyalin maklumat daripada buku teks tanpa mengikut kehendak tugas. Terdapat juga calon yang mengemukakan jawapan dalam bentuk isi ringkas. Di samping itu, calon tidak memiliki pengetahuan untuk menjawab tugas Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Penguasaan dan gaya bahasa calon amat lemah.

## PRESTASI TERPERINCI MENGIKUT TUGASAN / PERINCIAN

### Perincian 1

Jawapan hendaklah menjelaskan maksud pertubuhan serantau dan menamakan pertubuhan serantau yang disertai oleh Malaysia.

Calon dapat menjelaskan konsep pertubuhan serantau dengan tepat, huraian yang jelas serta mengemukakan contoh yang relevan. fakta yang dikemukakan adalah padat.

Pertubuhan serantau merupakan satu pertubuhan yang anggotanya terdiri daripada negara-negara yang berjejak antara satu sama lain. Pertubuhan ini dibentuk adalah untuk kepentingan politik, ekonomi dan sosial. Sejak Malaysia mencapai kemerdekaan, terdapat tiga pertubuhan serantau yang telah dibentuk dan disertai oleh Malaysia.

Salah satu pertubuhan yang disertai oleh Malaysia ialah Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASA) pada tahun 1961. Setelah itu, Malaysia menganggotai AAPHUKDO pada 1963. Akhir sekali, Malaysia telah menyertai Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara, ASEAN, pada tahun 1967.

Calon hanya menyatakan konsep pertubuhan serantau dengan baik dan mampu mengemukakan sebahagian contoh yang relevan. Fakta yang dikemukakan adalah terhad.

Pertubuhan serantau ialah hubungan antara Negara yang berjiran, pembentukan adalah untuk kepentingan politik, kepentingan ekonomi dan kepentingan sosial. Pertubuhan Serantau ASA ditubuhkan pada tahun 1961.

Calon tidak memahami konsep pertubuhan serantau. Sebahagian jawapan terpesong kerana mengaitkan dengan pertubuhan antarabangsa seperti PBB. Terdapat juga jawapan calon yang tidak ditulis dalam bentuk esei

Maksud pertubuhan serantau ialah pertubuhan bangsa-bangsa bersatu (PBB). Pertubuhan bangsa-bangsa bersatu ditubuhkan secara rasmi pada tahun 1945 iaitu selepas Perang Dunia kedua apabila Liga Bangsa dibubarkan setelah gagal menghalang berlakunya Perang Dunia kedua.

## **Perincian 2**

Jawapan hendaklah mengandungi fakta berkaitan latar belakang pertubuhan di 1(b) iaitu pertubuhan serantau yang dianggotai oleh Malaysia. Jawapan perlu dihuraikan dengan jelas.

Calon dapat menjelaskan latar belakang pertubuhan-pertubuhan di Asia Tenggara dengan lengkap, jelas dan terperinci. Calon berupaya mengemukakan jawapan melebihi peruntukkan markah. Penulisan jawapan calon sistematik dan diolah berdasarkan fakta yang terdapat di dalam buku teks. Ayat disusun secara gramatis dan mudah dibaca serta difahami.

2. Latar belakang. penubuhan ASA ialah ASA merupakan Persatuan Negara-negara Asia Tenggara dan penubuhannya dicodangkan oleh Tunku Abdul Rahman. ASA ditubuhkan pada 31 Julai 1961 dalam satu mesyuarat yang diadakan di Bangkok. Penubuhan ini dianggotai oleh Malaysia, Thailand dan Filipina. Matlamat penubuhan adalah untuk menjalankan kerjasama negara anggota dalam bidang ekonomi, sains dan sosial.

Latar belakang MAPHILINDO ialah MAPHILINDO merupakan cantuman tiga buah negara iaitu Malaysia, Indonesia dan Filipina. Tujuan penubuhan untuk meningkatkan perhubungan persahabatan dan menyelesaikan masalah pertelingkahan antara Malaysia, Filipina dan Indonesia. Hal ini disebabkan oleh cadangan pembentukan Malaysia.

Latar belakang penubuhan ASEAN pula ialah ASEAN ditubuhkan dengan termeterainya Deklarasi Bangkok pada 8 Ogos 1976. Keanggotaan ASEAN pada peringkat awal terdiri daripada lima buah negara iaitu Malaysia, Indonesia, Thailand, Filipina dan Singapura. Jumlah anggotanya bertambah menjadi sepuluh buah apabila disertai kesemua negara ASEAN iaitu Vietnam, Myanmar, Brunei, Laos dan Kambojia.

Logo ASEAN berbentuk sepuluh tongkai padi.

Jawapan calon berfokus kepada latar belakang pertubuhan-pertubuhan di Asia Tenggara dengan baik dan mengemukakan sebahagian contoh yang relevan. Jawapan yang dikemukakan tidak lengkap menyebabkan calon tidak memperoleh markah penuh. Calon hanya menyalin sebahagian fakta daripada buku teks. Fakta ditulis berulang-ulang.

Latar belakang Penubuhan Persekutuan  
Sejak Malaysia mencapai kemerdekaan terdapat tiga pertubuhan serantau yang telah dibentuk dan disatukannya iaitu ASA pada tahun 1961, MAPHILINDO pada tahun 1963 dan ASEAN pada tahun 1967. Setelah mencapai kemerdekaan negara kita dan juga negara-negara serantau dramam hebat oleh pengaruh komunis di Malaysia. Pergerakan PKM telah memajukan Peranan Penting menyebabkan pengaruh fahaman komunis di kalangan rakyat PKM telah memajukan Peranan Penting menyebabkan pengaruh fahaman komunis dan ini menyebabkan ahli-ahlinya melancarkan gerakan gerila bagi menjatuhkan kerajaan.

Jawapan calon hanya mengandungi beberapa fakta dengan ayat yang ringkas. Isi yang dikemukakan berkaitan latar belakang pertubuhan-pertubuhan di Asia Tenggara amat kurang walaupun fakta-fakta tersebut terkandung dalam buku teks yang dirujuk. Terdapat juga jawapan calon terpesong kerana tidak memahami kehendak tugas. Contohnya, menyalin maklumat berkaitan dasar luar Malaysia.

Satu pertubuhan yang keanggotaannya terdiri daripada negara-negara yang berjiran antara satu sama lain. Pembentukan adalah untuk kepentingan politik, ekonomi atau sosial. Sejak merdeka, terdapat tiga pertubuhan serantau yang dibentuk. ASA pada tahun 1961, MAPHILINDO pada tahun 1963 dan ASEAN pada tahun 1967.

### Perincian 3

Jawapan sepatutnya menerangkan faedah yang diperoleh oleh Malaysia sebagai anggota dalam pertubuhan serantau. Jawapan juga menggambarkan analisis yang matang.

Jawapan di bawah mempamerkan mutu jawapan cemerlang, di mana calon dapat menjelaskan kehendak tugas iaitu menerangkan faedah yang diperoleh Malaysia menyertai pertubuhan serantau. Jawapan menunjukkan keupayaan tinggi untuk menganalisis fakta daripada buku teks. Fakta yang dikemukakan tepat dan dapat mengembangkan idea dengan berkesan. Jawapan diolah dengan struktur ayat yang gramatis. Fakta yang dikemukakan melebihi peruntukkan markah dan disampaikan secara sistematik dengan pemerenggan yang sesuai.

Faedah yang Malaysia peroleh sebagai anggota dalam pertubuhan serantau merangkumi keselamatan negara dapat dilindungi dari ancaman komunis dan Malaysia dapat mengatasi konflik dengan Filipina dan Indonesia berkaitan dengan isu pembentukan Malaysia. Selain itu, Malaysia dapat membantu mewujudkan keamanan serantau. Malaysia dapat meneruskan pelaksanaan Dasar Berkecuali dan Berbaik-baik dengan semua Negara. Justeru, Malaysia dapat menjalankan hubungan diplomatik dengan semua negara dan Malaysia dapat mewujudkan kestabilan politik dalam negara.

Tambahan pula, Malaysia dapat merangsang pertumbuhan ekonomi negara dan Malaysia boleh menarik minat pelabur asing untuk melabur di Malaysia. Malaysia dapat mencipta peluang untuk pelabur Malaysia melaburkan modal di negara lain. Selain itu, Malaysia dapat berkongsi kepakaran dan teknologi dan Malaysia dapat mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja.

Malaysia dapat mengetengahkan budaya rakyat Malaysia. Malaysia dapat meningkatkan taraf pendidikan dan Malaysia dapat menjayakan k-ekonomi. Seterusnya, Malaysia dapat mempamerkan kewibawaan pentadbiran negara. Malaysia boleh mempromosikan negara sebagai destinasi pelancongan.

Calon berupaya dan mampu memberikan jawapan yang betul. Walaupun begitu, jawapan hanya mengemukakan fakta tanpa huraian yang lengkap. Calon tidak berupaya menganalisis maklumat di dalam buku teks berdasarkan tugas. Hal yang demikian, calon tidak mampu mengembangkan idea berkaitan fakta yang dikemukakan. Jawapan juga ditulis secara ringkas dan tidak dalam bentuk esei yang sempurna.

ASA : melindungi negara-negara anggota daripada ancaman komunis. Menwujudkan kerjasama dalam bidang ekonomi. mewujudkan kerjasama dalam bidang sosial.

MAPHILINDO : Meningkatkan perhubungan persahabatan. Menyelesaikan pertelingkahan antara Malaysia - Filipina dan Malaysia Indonesia.

ASEAN : (i) Mengelakkan kestabilan politik di rantau Asia Tenggara.  
(ii) Membantu antara satu sama lain dalam bidang ekonomi, sosial serta kebudayaan.  
(iii) Meningkatkan taraf hidup penduduk melalui kerjasama dalam bidang pertanian, perdagangan dan perindustrian.  
(iv) Negara-negara anggota Asean menjalankan kerjasama sesama anggota dan menjadi semakin teguh dari sehari ke sehari.

Jawapan terpesong kerana menerangkan faedah yang diperolehi Malaysia menganggotai pertubuhan antarabangsa dan bukan pertubuhan serantau. Jawapan jelas menunjukkan calon keliru antara konsep pertubuhan serantau dengan antarabangsa.

Bukan itu sahaja, faedah yang juga diperolehi Malaysia daripada Pertubuhan Persidangan Islam (OIC). Malaysia mendapat pinjaman daripada Bank Pembangunan Islam bagi melaksanakan projek-projek pembangunan untuk kepentingan rakyat.

OIC telah memberikan bantuan kepada Malaysia untuk menubuhkan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Penawaran biasiswa kepada pelajar dari negara-negara OIC untuk belajar di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

#### Perincian 4

Jawapan memerlukan analisis terhadap sumbangan Malaysia dalam pertubuhan serantau. Jawapan mengandungi fakta yang dihurai dengan jelas beserta contoh yang relevan.

Jawapan di bawah menunjukkan keupayaan menganalisis sumbangan Malaysia dalam pertubuhan serantau secara tepat dan terperinci. Jawapan telah dikelaskan berdasarkan aspek politik, ekonomi dan sosial secara sistematik. Jawapan merangkumi fakta yang tepat dan disokong dengan huraian terperinci serta contoh yang relevan. Fakta dan huraian yang dikemukakan melebihi peruntukan markah. Jawapan dikemukakan dengan pemerenggan yang sesuai dan disampaikan melalui ayat-ayat gramatis.

4) Antara sumbangan Malaysia dalam pertubuhan serantau  
khususnya dalam pertubuhan ASEAN ialah Malaysia menjalinkan  
kempasama serantau yang erat dan banyak menjayakan rancangan  
yang dilaksanakan bersama. Selain itu, Malaysia juga menjadi tuan  
rumah bagi menjayakan mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN  
di Kuala Lumpur pada 1971. Satu deklarasi bersama telah  
ditandatangani oleh semua negara anggota termasuk Malaysia  
yang dikenali sebagai Deklarasi Kuala Lumpur. Kata sepakat telah  
diciptai dalam mengisytiharkan negara ASEAN menjadi kawasan  
zon aman, bebas dan berkecuali (ZOPFAN). Tujuan utama  
ZOPFAN adalah untuk mengekalkan keamanan dan kestabilan  
rantau Asia Tenggara, tidak bersekebel dengan Blok Barat  
atau Blok Timur bagi mengelakkan campur tangan kuasa-kuasa  
besar.

Malaysia juga telah memberi sumbangan dalam meningkatkan kerjasama ekonomi dalam kalangan negara ASEAN. Negara-negara ASEAN telah membentuk kerjasama dalam projek-projek perindustrian contohnya projek baja urea di Bintulu (Sarawak) serta di Aceh (Indonesia). Kerjasama ekonomi melalui zon kawasan Perdagangan Bebas ASEAN atau ASEAN Free Trade Area (AFTA) diumumkan dalam sidang kemuncak ASEAN di Singapura pada tahun 1992.

Malaysia juga turut memberi sumbangan dalam bidang kebudayaan dan sosial seperti mengadakan festival kebudayaan dan kesenian dengan menyokong usaha penubuhan Tabung Kebudayaan. Selain itu, Malaysia juga turut terlibat dalam pertukaran rancangan televisyen dan radio. Malaysia juga memberi sumbangan dengan menjadi tuan rumah bagi pengantaraan Sukan SEA pada tahun 2002. Malaysia juga turut memberi sumbangan dalam mewujudkan kerjasama dalam bidang pelancongan dengan menyokong usaha Tahun Melawat ASEAN pada tahun 1992.

Jawapan tidak tepat dengan kehendak tugas. Jawapan bercampur aduk antara fakta berkaitan sumbangan dengan latar belakang pertubuhan serantau. Jawapan tidak berbentuk analisis sumbangan, sebaliknya hanya menyalin maklumat berkaitan pertubuhan serantau. Huraian fakta juga kurang jelas, bersifat umum dan kurang relevan.

Setelah mencapai kemerdekaan, negara kita dan juga negara-negara serantau diancam hebat oleh pengaruh komunis. Di Malaysia, pergerakan PKM telah memainkan peranan penting menyebarkan pengaruh fahaman komunis di kalangan rakyat. PKM telah diharamkan oleh kerajaan dan ini menyebabkan ahli-ahlinya melancarkan gerakan gerila bagi menjatuhkan kerajaan.

Di negara-negara jiran, ancaman komunis, juga hebat terutamanya di Thailand yang bersempadan dengan Malaysia. PKM telah menggunakan sempadan Malaysia-Thailand sebagai pangkalan gerakan gerila mereka dan ini menyuarakan usaha kedua-dua negara untuk melemahkan dan seterusnya menghapuskan gerakan komunis. Begitu juga dengan negara Filipina yang turut diancam oleh pengaruh komunis.

Malaysia ingin mengadakan kerjasama dengan negara-negara jiran agar dapat membandung pengaruh dan gerakan PKM. Oleh itu, Tunju Abdul Rahman telah mencadangkan penubuhan ASA. Pertubuhan ini diharapkan dapat melindungi negara-negara anggota daripada ancaman komunis dan juga menjalinkan kerjasama dalam bidang ekonomi dan sosial.

Pada 31 Julai 1961, satu mesyuarat diadakan di Bangkok antara Malaysia dengan Thailand dan Filipina, hasilnya ASA telah ditubuhkan. Antara matlamat ASA yang digalakkan semasa penubuhannya termasuklah menjalinkan kerjasama di kalangan negara anggota dan bidang ekonomi, sains dan sosial. Selain itu, memperkakan dan menyediakan kemudahan latihan dan penyelidikan dalam bidang sains.

Jawapan tidak menepati kehendak tugas dan terpesong. Jawapan tidak menyentuh tentang pertubuhan serantau, sebaliknya menyalin maklumat berkaitan sumbangan Malaysia dalam pertubuhan antarabangsa daripada buku teks.

sumbangan  
Malaysia dalam pertubuhan serantau melalui  
komanwel ialah, Negara menjadi tuan rumah Mesyuarat  
Ketua-ketua kerajaan komanwel atau commonwealth Head  
of government Meeting (CHOGM)

Selain komanwel, Malaysia juga telah memberi sumbangan  
kepada PBB.

dari segi politiknya ialah, Malaysia membantu menyelesaikan  
konflik antarabangsa.

Sejak tahun 1966, Malaysia dipilih untuk menyertai pasukan  
pendamai di bawah panji-panji PBB untuk menamatkan Perang  
Serudum di Congo (Zaire).

Malaysia juga undahkati pasukan pendamai PBB ke  
Namibia untuk membantu negara itu mencapai kemerdekaan pada  
tahun 1989.

Selain itu, Malaysia bantang bersuara di PBB bagi menentang  
dasar apartheid di Afrika selatan.

Malaysia telah menyatukan agar Benua Antartika menjadi  
warisan dunia yang diletakkan di bawah hak milik atau kuasa  
semua negara.

Negara ini juga pernah dipilih menjadi Majlis Keselamatan PBB pada tahun 1965, 1989 dan 1999.

Tambahan pula, Tan Sri Azahar Ismail, wakil Malaysia ke PBB menjadi pengerusi perhimpunan Agung PBB dan beliau dilantik sebagai wakil kelas PBB untuk menyelesaikan konflik politik negara Myanmar.

Malaysia berpendirian tegas dalam mendesak PBB mengalinkan usaha menyelesaikan masalah Palestin dengan mengemukakan persidangan antara bangsa tentang Palestin di Kuala Lumpur.

### Perincian 5

Jawapan hendaklah menilai kejayaan Malaysia dalam pertubuhan serantau yang menaikkan imej negara di mata dunia. Huraian hendaklah dikaitkan dengan imej negara di mata dunia.

Fakta, huraian dan contoh dikemukakan dengan tepat dan terperinci. Jawapan disampaikan dengan bernas dan berjaya mengaitkan dengan imej negara sebagaimana kehendak tugas. Idea kejayaan Malaysia dalam pertubuhan serantau yang menaikkan imej negara di mata dunia disampaikan secara tersusun mengikut aspek politik, ekonomi dan sosial. Jawapan juga menunjukkan keupayaan menilai, menjana idea dan mencerna fakta daripada isu-isu semasa secara rasional yang membolehkan markah diberi di bawah tema mana-mana yang munasabah.

Dari aspek politik, Malaysia berjaya mewujudkan kestabilan politik. Seterusnya, imej negara dapat ditingkatkan dan mengukuhkan kewibawaan pemimpin negara.

Selain itu, Malaysia berjaya mengeratkan hubungan dengan negara jiran menyelesaikan masalah antara negara melalui perundingan dan mengukuhkan keamanan dalam negara serta mewujudkan keharmonian dalam kalangan masyarakat negara.

Dari aspek ekonomi, Malaysia berjaya meluaskan pasaran ke luar negara, mengadakan kerjasama ekonomi <sup>dan</sup> mengadakan perjanjian perdagangan serta meningkatkan taraf hidup rakyat.

Dari aspek sosial, Malaysia berjaya melahirkan golongan intelektual dan menjadi pusat pendidikan antarabangsa.

Malaysia juga berjaya memajukan bidang telekomunikasi dan IIT serta melahirkan ahli sukan berprestasi dan menjadi tuan rumah kejohanan sukan.

Jawapan tidak berupaya menilai kejayaan Malaysia dalam pertubuhan serantau secara tepat dan bernas. Fakta dikemukakan secara bercampur aduk. Sebahagian fakta berkaitan kejayaan Malaysia dalam pertubuhan serantau, manakala sebahagian fakta lagi berkaitan kejayaan Malaysia secara umum dan kejayaan Malaysia di peringkat antarabangsa. Jawapan juga gagal mengaitkan kejayaan Malaysia dengan imej negara di mata dunia.

Kejayaan Malaysia dalam pertubuhan serantau yang telah menaikkan imej negara di mata dunia adalah menyelesaikan konflik melalui meja rundingan. Contohnya, masalah pergolakan di Mindanao dan perebutan Pulau Borneo Putih. Melalui kerjasama antarabangsa Malaysia berjaya menghapuskan ancaman pengeras komunis.

Pemimpin Malaysia semakin dihormati di peringkat dunia selepas menganggotai perhubungan serantau. Selain itu, semua pandangan dan cadangan yang disuarakan oleh negara dihormati negara-negara lain. Dengan kerjasama serantau, Malaysia berjaya menghasilkan keretor, nasional seperti Proton dan Perodua.

Malaysia juga berjaya membina Koridor Raya (Multi Media CMSC) di Kuala Lumpur City Centre (KLCC). Dengan kerjasama Rusia, Malaysia menghantar angkasawan ke ISS. Malaysia membina rangkaian sistem pengangkutan yang pesat seperti Laluan Kapal Terbang (AirAsia).

Malaysia membina sistem pengangkutan yang efektif seperti LRT, komuter dan Putra. Selain itu, Malaysia berjaya menjadi tuan rumah inkan bertaraf antarabangsa seperti pertandingan Perahu Layar, Le Tour De Langkawi dan Formula One.

Jawapan di bawah mempamerkan mutu jawapan lemah.

Jawapan yang dikemukakan adalah umum dan tidak mencapai tahap menilai sumbangan Malaysia dalam pertubuhan serantau. Sebahagian besar jawapan terpesong kerana mengaitkan kejayaan Malaysia dalam pertubuhan antarabangsa. Jawapan juga gagal mengaitkan kejayaan Malaysia dengan imej negara di mata dunia.

Kejayaan Malaysia dalam pertubuhan serantau yang telah mengaitkan imej negara di mata dunia adalah dengan menajunkan sukan komonwel dan juga sukan SEA. Beterusnya, mengaitkan hubungan diplomatik dengan negara lain selain itu, menjilakan pemerintahan dengan adil iaitu pemerintahan demokrasi. Dalam pada itu, keharmonian antara kaum dapat dikekalkan dengan mendukung sistem raja berpolam baggas iaitu raja sebagai pemerintah tertinggi. Ekonomi negara juga seimbang. Malah perpaduan kaum juga telah mengaitkan imej negara sebagai negara yang aman dan rukun walaupun hidup dalam dengan bangsa dan agama yang berbeza. Oleh itu, pendidikan juga adalah untuk semua kaum tanpa melihat perbezaan tarot atau kedudukan.

## Perincian 6

Jawapan perlu memberi bukti kerjasama Malaysia dalam pertubuhan serantau telah mewujudkan situasi sejahtera dalam kalangan rakyat. Bukti yang dikemukakan hendaklah tepat dan relevan

Jawapan di bawah mempamerkan mutu jawapan cemerlang. Jawapan disampaikan dengan bernaas dan berjaya mengaitkan dengan kerjasama dalam pertubuhan serantau yang dapat mensejahterakan rakyat Malaysia sebagaimana kehendak tugas. Fakta, huraian dan contoh dikemukakan dengan tepat dan terperinci. Idea disampaikan secara tersusun dengan olahan yang menarik. Jawapan juga menunjukkan keupayaan membuat inferens, menjana idea dan mencerna fakta daripada isu-isu semasa secara rasional yang membolehkan markah diberi di bawah tema mana-mana yang munasabah.

6. Antara bukti kerjasama Malaysia dalam pertubuhan serantau dapat mensejahterakan rakyat Malaysia ialah dengan menyekat pengaruh komunis terutamanya di Sabah dan Sarawak yang bergerak secara gerila. Penyekatan pengaruh PKM ini dapat melahirkan suasana hidup yang aman daripada pembunuhan dan penyeksaan. Selain itu, kejayaan Malaysia dalam mengurangkan masalah Pendatang Tanpa Izin (PTI) telah menurunkan kadar kes jenayah di negara ini. Selain itu, peluang pekerjaan juga lebih banyak terbuka kepada penduduk Malaysia disebabkan ketenteraman pekerja asing sekaligus taraf hidup rakyat dapat ditingkatkan.

Di samping itu, peningkatan pelabur asing dalam negara kita menyebabkan ekonomi negara meningkat di samping peningkatan hubungan perdagangan dua hala. Prasarana-prasarana di Malaysia juga dapat ditingkatkan seperti hotel bertaraf lima bintang dan prasarana ini dapat dinikmati oleh rakyat Malaysia. Wujudnya AFTA juga dapat meningkatkan ekonomi negara disebabkan hasil eksport meningkat. Dengan itu, pendapatan rakyat Malaysia akan meningkat.

Rakyat Malaysia juga dapat menikmati keamanan melalui pengisytiharan Zon Bebas, Aman dan Berkecuali (ZOPFAN). Selain itu, pengisytiharan Zon Bebas Nuklear juga telah membebaskan rakyat Malaysia daripada ancaman nuklear yang membahayakan.

Seterusnya, rakyat Malaysia juga dapat menikmati peningkatan pendidikan dan teknologi hasil kerjasama R&D dan pendidikan. Contohnya, Malaysia berjaya menjadi Pusat Serantau untuk Sains dan Matematik (RESAM). Banyak sekolah antarabangsa dibuka dan ini juga membolehkan pelajar kepada anak Malaysia untuk menyertainya. Pertukaran teknologi juga telah memudahkan kehidupan rakyat Malaysia seperti kereta, telefon canggih dan sebagainya yang berfungsi

Jawapan di bawah mempamerkan mutu jawapan sederhana. Calon memberikan jawapan berkaitan kerjasama dalam pertubuhan serantau yang dapat mensejahterakan rakyat Malaysia dengan memuaskan. Jawapan yang dikemukakan kurang bernas, tidak diuraikan dan fakta yang tidak mencukupi bagi membolehkan calon mendapat markah penuh.

Antara buktinya ialah dapat menstabilkan politik. Ia juga dapat menjamin keamanan negara. Menyediakan ketenteraman. Selain itu, dapat membebaskan negara daripada ancaman senjata nuklear dan kesan Zon bebas Nuklear. Mengjelakkan campur tangan kuasa asing dan akhir sekali meningkatkan ketahanan negara.

Jawapan di bawah mempamerkan mutu jawapan lemah. Calon memberikan jawapan yang terpesong daripada kehendak tugas. Calon tidak berjaya membuktikan bahawa kerjasama dalam pertubuhan serantau dapat mensejahterakan rakyat Malaysia .

Antara kerjasama yang Malaysia jalinkan bagi menyelesaikan masalah ialah pencerobohan wilayah di Lahad Gattu, Sabah. Malaysia telah bekerjasama dengan kerajaan Filipina bagi menyelesaikan masalah yang berlaku dan mengusir keluar para pemberontak. Selain itu, pencerobohan ruang udara oleh Singapura untuk melakukan latihan penerbangan. Pihak Malaysia mengesakan Singapura agar lebih berhati-hati. Seterusnya, Malaysia dan Indonesia, serta Filipina telah menyelesaikan masalah kebanyakan PATI dari negara-negara serantau. Masalah ini telah menyebabkan masalah pengangguran di Malaysia semakin meningkat. Tambatan kuantiti di Singapura berhampiran perairan negara telah menjadikan kawasan laut menjadi cetek dan ini menghalang kapal besar melalui tempat tersebut.

### Perincian 7

Jawapan mengemukakan dua aspek iaitu cabaran yang dihadapi oleh Malaysia dalam mengekalkan kerjasama serantau serta langkah-langkah untuk mengatasi cabaran tersebut.

Jawapan di bawah mempamerkan mutu jawapan cemerlang. Jawapan mengandungi idea yang bernas dan matang tentang cabaran yang dihadapi oleh Malaysia dalam mengekalkan kerjasama serantau dan langkah-langkah untuk mengatasi cabaran tersebut. Jawapan juga dihurai secara terperinci dengan memberikan contoh-contoh yang relevan. Idea-idea yang dikemukakan merangkumi pelbagai skop yang menunjukkan penguasaan pengetahuan semasa yang luas. Langkah-langkah yang dicadangkan sangat rasional dan praktikal.

7. Cabaran yang dihadapi oleh Malaysia dalam mengekalkan kerjasama serantau adalah pencerobohan wilayah. Contohnya apabila ruang udara dicerobohi oleh Singapura untuk melakukan latihan penerbangan. Selain itu, Malaysia turut berdepan dengan kebanyakan PATI iaitu pendatang asing tanpa izin dari negara-negara serantau. Sehubungan dengan itu, sektor

pembunuhan telah dimonopoli oleh warga asing. Perkongsian kepakaran yang ada di Malaysia juga terhad. Misalnya kepakaran dalam bidang pertanian di Thailand lebih tinggi berbanding negara kita. Di samping itu, Malaysia mempunyai kedudukan yang strategik untuk penyeludupan dadan dan pemerdagangan manusia. Ancaman ~~ter~~ lanun di perairan rantau Asia Tenggara juga masalah yang dihadapi Malaysia.

Langkah-langkah untuk mengatasi cabaran tersebut adalah dengan mengadakan rundingan diplomatik di antara ketua-ketua negara. Selain itu, pertubuhan ASEAN juga boleh memainkan peranan dengan mengadakan mesyuarat dikalangan Menteri. ~~Set~~ <sup>dan bertolak ansur dalam meluluskan dasar</sup> (isu pendatang asing tanpa izin dapat diselesaikan melalui rundingan antara negara). Malaysia mengadakan rancangan Pemutihan dan peluang balik tanpa dikenakan tindakan. Kerajaan juga seharusnya bertukar-tukar kepakaran di kalangan negara anggota dan memperkuat kawalan sempadan serta memperketatkan undang-undang kepada penceroboh. Di samping itu, kerajaan seharusnya bekerjasama dengan negara anggota untuk mengawal pengairan bagi membanteras lanun.

Jawapan di bawah mempamerkan mutu jawapan sederhana. Calon hanya menjawab sebahagian daripada kehendak tugas. Jawapan calon hanya menyentuh cabaran yang dihadapi oleh Malaysia dalam mengekalkan kerjasama serantau tanpa mengemukakan langkah-langkah untuk mengatasi cabaran tersebut. Jawapan dikemukakan tanpa huraian dan contoh.

Cabaran yang dihadapi oleh Malaysia ialah bekurang modal. Selain itu, cabaran Malaysia ialah nilai mata wang turun naik. Selain itu, cabaran Malaysia ialah persaingan ekonomi dunia. Selain itu, cabaran Malaysia ialah kejatuhan pasaran saham. Selain itu, cabaran Malaysia ialah masalah merasak pelabur

asing. Selain itu, cabaran Malaysia ialah pelabur berpindah ke negara lain. Selain itu, cabaran Malaysia ialah teknologi masih rendah berbanding dengan negara lain yang maju. Selain itu, cabaran Malaysia ialah masih bergantung kepada teknologi luar. Selain itu, cabaran Malaysia ialah persaingan terhadap. Akhirnya, cabaran Malaysia ialah persaingan dengan negara maju.

Jawapan di bawah mempamerkan mutu jawapan lemah. Jawapan calon tidak memenuhi kehendak tugasan. Jawapan calon terpesong kerana tidak menyentuh langsung tentang cabaran yang dihadapi oleh Malaysia dalam mengekalkan kerjasama serantau dan langkah-langkah untuk mengatasi cabaran tersebut.

Penciptaan teknologi memainkan peranan penting dalam sejarah dunia sehingga hari ini yang memperlihatkan hubungan antarabangsa menjadi lebih giat. Globalisasi merujuk pada perubahan yang menjadikan dunia tanpa sempadan yang disebabkan oleh kepesatan atau kepantasan perkembangan teknologi maklumat. Peralatan teknologi baru seperti komputer dan internet, perkembangan teknologi berkomunikasi contohnya telefon mudah alih, dan kos pengangkutan yang semakin murah merupakan faktor-faktor yang menjadi pemangkin kepada hubungan antara sebuah negara. Kerajaan juga membina Koridor Raya Multimedia yang telah memulakan e-pendidikan, pemasaran tanpa sempadan, e-dagang dan penyiaran digital. K-ekonomi, iaitu ekonomi bertandaskan pengetahuan pada kemampuan seseorang untuk menggunakan ilmu pengetahuan merupakan penggerak utama dalam menjana keuntungan, kemajuan perniagaan, peluang pekerjaan serta perkongsian pintar. K-masyarakat merujuk kepada masyarakat yang sentiasa berusaha memperbaiki dan memperkaya diri dengan pengetahuan agar terus dapat bersaing.

## Perincian 8

Bagi perincian ini pula, jawapan sepatutnya mengandungi nilai dan iktibar yang diperoleh dari penyertaan Malaysia dalam pertubuhan serantau. Nilai-nilai dan iktibar tersebut perlulah dihuraikan dengan lebih jelas.

Jawapan di bawah mempamerkan mutu jawapan cemerlang. Calon berjaya menyatakan nilai-nilai murni dan iktibar daripada penyertaan Malaysia dalam pertubuhan serantau dengan jelas dan tepat. Nilai-nilai murni dan iktibar tersebut turut dihuraikan dengan matang.

8. Nilai-nilai murni dan iktibar daripada penyertaan Malaysia dalam pertubuhan serantau ialah ~~...~~ s kita perlulah mengamalkan kerjasama dengan orang lain bagai air dengan tebing. Selain itu, kita perlulah sentiasa berfahaman untuk mengekalkan baktanya perselisihan fahaman. Kita juga perlulah saling membantu untuk memberi pertolongan kepada sesiapa yang memerlukan. Kita harus mengamalkan nilai kemufakatan untuk berbangga sebelum melakukan sesuatu. Seterusnya, kita patut berdaya saling supaya dapat bersahaja dengan orang lain.

Di samping itu, kita perlulah saling ~~hormat menghormati~~ memupuk sikap hormat-menghormati seperti sikap hormat-menghormati yang diamalkan dalam negara serantau. Kita perlulah setting menjalin hubungan diplomatik antara sama lain. Tidak cukup dengan ini, kita perlulah mengamalkan berfikiran terbuka untuk menerima perubahan. Selain itu, kita perlulah mengutamakan perpaduan serantau untuk memperoleh keamanan. Kita perlu mengamalkan semangat kejiranan yang luhur contohnya Malaysia yang mengamalkan semangat kejiranan dengan negara jiran. Di samping itu, kita juga perlu berpandangan jauh seperti Malaysia yang menyertai pertubuhan serantau demi kemajuan bakal.

Jawapan di bawah mempamerkan mutu jawapan sederhana. Kumpulan ini tidak menyatakan jawapan yang lengkap. Nilai atau iktibar yang diberikan oleh calon tidak mencukupi. Di samping itu, calon juga tidak membuat huraian tentang nilai atau iktibar yang dikemukakan.

iktibar kepada diri bangsa dan negara harapan  
untuk masa depan ekonomi Malaysia yang lebih  
cemerlang dan menjangkau sangat jaya diri yang  
tinggi dan berkemahiran.

Jawapan di bawah mempamerkan mutu jawapan lemah. Jawapan daripada kumpulan ini tidak mengemukakan nilai-nilai murni dan iktibar yang tidak mencukupi untuk memperoleh markah penuh. Jawapan calon juga terlalu ringkas.

Nilai-nilai murni dan iktibar yang Malaysia bertolak ansur bersama  
negara-negara yang lain.

### Perincian 9

Bagi jawapan perincian ini pula, calon sepatutnya menjelaskan tiga perkara iaitu pengetahuan yang diperolehi, iktibar kepada diri, bangsa dan negara serta harapan untuk menjadikan bangsa dan negara Malaysia cemerlang dan terbilang. Setiap aspek yang dikemukakan perlu diberi huraian yang jelas. Jawapan di bawah mempamerkan mutu jawapan cemerlang. Jawapan calon merangkumi ketiga-tiga aspek tersebut berserta huraian. Idea yang dikemukakan juga matang dan disampaikan dengan jelas. Jawapan yang dikemukakan juga melebihi kehendak peraturan pemarkahan.

Pengetahuan yang diperolehi daripada bab ini  
ialah Malaysia telah menyertai pertubuhan negara  
ASEAN bermula dengan penubuhan ASA.  
Kegagalan ASA telah menyebabkan penubuhan  
MAPHILINDO dan akhirnya ASEAN. Malaysia  
mengambil langkah yang dinamis dan merangka  
strategi dan menggubal dasar luar yang  
dapat memastikan negara kita terus

bersaing. Iktibar pada diri, bangsa dan negara adalah kita harus memperkaya ilmu berkaitan dasar luar. Kita juga mestilah memiliki semangat patriotisme. Selain itu kita hendaklah mempertahankan kedaulatan negara, dan mementingkan kerjasama untuk mencapai kejayaan. Saya berharap agar hubungan baik dengan negara-negara lain dapat ditetapkan agar keamanan dunia bertambah baik. Saya juga berharap agar negara serantau dapat berkongsi kepakaran dalam semua bidang. Dengan usahawarna yang dilaksanakan diharapkan Malaysia menjadi negara maju, makmur dan mencapai wawasan 2020.

Jawapan di bawah mempamerkan mutu jawapan sederhana. Jawapan ini hanya mengandungi satu aspek berserta huraianya iaitu pengetahuan.

Pengetahuan yang diperoleh ialah Malaysia mempunyai dasar luarnya yang tersendiri, iaitu berbaik-baik dengan semua negara. Selain itu, pengubalan dasar luar Malaysia dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti sejarah, ekonomi, politik, geografi dan demografi. Seterusnya Malaysia juga telah bergiat aktif dalam pertubuhan serantau iaitu AEA, MAPHILINDO dan ASEAN. Di samping itu, Malaysia juga telah memainkan peranan penting dalam pertubuhan tersebut.

Jawapan di bawah mempamerkan mutu jawapan yang lemah, di mana calon memberikan jawapan yang hanya mengandungi satu aspek sahaja iaitu pengetahuan yang dinyatakan secara umum.

Pengetahuan yang diperolehi ialah Malaysia telah mengambil langkah-langkah yang dinamis dalam strategi dasar luarnya bagi memastikan negara dapat terus bersaing dalam dunia yang sedang mengalami perubahan yang pesat dari segi politik, ekonomi dan sosial.

## **SARANAN KEPADA CALON**

1. Calon perlu memahami tugas umum yang dikemukakan.
2. Mereka perlu melakukan penyelidikan yang mendalam tentang tajuk yang akan diuji.
3. Maklumat boleh dikumpul dari pelbagai sumber.
4. Di samping itu juga calon dinasihatkan supaya menguasai serta memahami konsep sejarah bagi membantu mereka menjawab tugas yang diberikan dengan baik.
5. Calon juga perlu mengelak daripada terlalu bergantung kepada tugas ramalan.
6. Sebaliknya, mereka disarankan berbincang dengan guru dan rakan bagi menyediakan rangka jawapan.
7. Jawapan tersebut perlu dihurai untuk menunjukkan kematangan calon.

## **SARANAN KEPADA GURU**

1. Guru perlu memberi penekanan tentang penjelasan konsep dan istilah sejarah.
2. Perbaiki kelemahan calon dan pertingkatkan prestasi mereka melalui perancangan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menarik.
3. Guru perlu memberi penekanan kepada teknik menjawab tugas agar pelajar tidak menjawab dalam bentuk "*point*".
4. Guru perlu memperbanyakkan latihan tugas berbentuk Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).
5. Sebagai pakar rujuk, guru perlu berusaha secara berterusan dalam meningkatkan ilmu pengetahuan demi menyahut wawasan negara.